

**Kerajaan Tidak Akan Terburu-buru Laksanakan TPPA, Kata Riot  
Bernama  
13 Sept, 2013**

KUCHING, 13 Sept (Bernama) -- Kerajaan tidak bercadang untuk mempercepatkan pelaksanaan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), yang menurut kesatuan sekerja, boleh memberi kesan buruk kepada kebajikan 12.5 juta pekerja Malaysia, kata Menteri Sumber Manusia Datuk Richard Riot.

Beliau berkata Kabinet persekutuan telah membincangkan perkara itu dengan mengambil kira input daripada pelbagai agensi kerajaan, termasuk isu berkaitan pekerja daripada kementerian berkenaan.

"Berdasarkan mesyuarat Kabinet Rabu lepas, kerajaan tidak akan terburu-buru untuk melaksanakan TPPA.

"Oleh itu, tiada apa yang perlu dibimbangkan kerana apabila ia ditandatangani kelak, kami akan pastikan tiada siapa yang rugi," katanya kepada pemberita selepas menutup program Latihan Kepimpinan dan Pembicara Kesatuan Sekerja (Tutelar) anjuran Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja di sini.

Mengulas kenyataan presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Khalid Atan baru-baru ini yang menggesa kerajaan menolak TPPA, beliau berkata kerajaan bukan sahaja mengambil kira pandangan sektor awam, tetapi juga sektor swasta, termasuk MTUC.

Katanya maklum balas yang diterima MTUC daripada pertubuhan buruh negara lain, termasuk Amerika, menunjukkan pekerja akan menerima akibat buruk daripada pelaksanaan perjanjian itu kerana syarikat besar akan memberi keutamaan kepada dividen untuk pemegang sahamnya.

Beliau berkata perjanjian itu juga akan mengetepikan banyak konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) mengenai hak pekerja dan mendedahkan pekerja Malaysia kepada penindasan serta memberi ruang kepada firma Amerika untuk mengambil orang asing sebagai pekerja.

Perbuatan itu, katanya boleh menurunkan kadar upah dan menjejaskan rancangan kerajaan untuk menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Bagaimanapun, Riot berkata beliau yakin kerajaan mampu mencapai sasaran melahirkan 50 peratus pekerja mahir daripada jumlah tenaga kerja yang ada ketika itu, berbanding 28 peratus sekarang, melalui latihan vokasional dan kemahiran yang ditawarkan pelbagai agensi di bawah kementeriannya.

Katanya PMSB menerajui usaha meningkatkan kemahiran tenaga kerja Malaysia dengan meningkatkan jumlah bantuan kewangan kepada 110 peratus berkuat kuasa 1 Jan tahun ini, di samping menggalakkan majikan melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja, pelatih dan perantis masing-masing, berdasarkan keperluan perniagaan mereka dan strategi pembangunan negara.

Beliau berkata melalui program Tutelar, pemimpin kesatuan sekerja diberi latihan tentang kemahiran berkomunikasi dan kepimpinan untuk memudahkan mereka berunding tentang

perjanjian bersama serta menyelesaikan pertikaian perusahaan dengan cekap dan berkesan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=977634>